

Pengantar Literasi Bahasa

Faridah Nazir

Nora'Azian Nahar

Rozita Omar



PENGANTAR

LITERASI BAHASA

Faridah Nazir
Nora'Azian Nahar
Rozita Omar

Pengantar Literasi Bahasa
© MK e-Solutions Sdn. Bhd.
ISBN: 978-967-0036-21-2
Terbitan Pertama : 2025

PENULIS

Faridah Nazir
Nora'Azian Nahar
Rozita Omar

EDITOR

Bukhari Shafie

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinfoto, rakaman atau dengan cara apajua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solutions Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-0036-21-2

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (200801002403) (MKE)
6th Floor, Suite 16, IOI Business Park, Persiaran Puchong Jaya Selatan, Bandar
Puchong Jaya, 47100 Puchong Selangor. Malaysia.
Tel: +603 80644228. Fax: +603 80642050
Website: <http://www.mke-solutions.com>
Email: enquiries@mke-solutions.com

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd
No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak.
Malaysia Tel : +605-5262627 Fax : +605-526220

Reka Bentuk Kulit Buku: Mok Wei En

KANDUNGAN

Kandungan	i
Prakata	ii
Bab 1 Asas Literasi	1
Bab 2 Pemerolehan Bahasa	18
Bab 3 Penguasaan Literasi	38
Bab 4 Aktiviti Literasi	54
Bab 5 Bahan Pengajaran Literasi	83
Bab 6 Masalah Penguasaan Literasi	121
Bab 7 Halangan Literasi	172
Bab 8 Isu dan Cabaran dalam Penguasaan Literasi	196
Bibliografi	212
Biodata penulis	218

PRAKATA

Literasi merujuk kemampuan berbahasa seseorang untuk membaca dan menulis. Namun demikian, kemajuan sosial dan teknologi yang pesat telah memperluas definisi literasi seiring dengan perkembangan manusia. Jika dahulu literasi bermaksud pemahaman teks, tetapi kini didefinisikan melalui pelbagai sudut baharu, misalnya, literasi digital, literasi kewangan dan literasi kesihatan. Walau bagaimanapun, buku ini memberi penekanan kepada literasi bahasa, iaitu konsep asas literasi bahasa; teori pemerolehan bahasa; cara penguasaan; aktiviti; bahan; masalah; halangan dan cabaran dalam penguasaan literasi.

Kelebihan buku Pengantar Literasi Bahasa ini dipaparkan melalui perbincangan terperinci tentang asas literasi, teori pemerolehan bahasa, penguasaan, aktiviti, bahan pengajaran, masalah, halangan serta isu dan cabaran dalam penguasaan literasi. Secara khusus aspek-aspek perbincangan dalam buku ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada pembaca tentang literasi bahasa dan kepentingan menguasainya.

Kandungan buku ini amat membantu mahasiswa IPTA dan IPTS, siswa guru di IPG, pensyarah, guru-guru dan semua golongan yang berminat dengan bidang literasi bahasa untuk memahami dengan lebih mendalam tentang konsep, aktiviti dan masalah penguasaan literasi bahasa serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan siswa guru Institut Pendidikan Guru (IPG); mahasiswa Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS); peserta kursus dalam cuti (KDC); kumpulan pelajar Sekolah Agama Bukan Kerajaan (SABK) opsyen Bahasa Melayu; guru-guru sekolah rendah dan menengah; pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan negeri (JPN); serta semua warga pendidik. Selain itu, buku ini juga amat sesuai untuk pensyarah-pensyarah IPG; IPTA dan IPTS yang mengajar kursus major dan elektif Bahasa Melayu sama ada pada peringkat Diploma ataupun Ijazah.

Prof. Madya Dr. Faridah Nazir

Dr Nora Azian Nahar

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Rozita Omar

Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh

1

ASAS LITERASI

1.0 PENGENALAN

Secara umumnya, literasi adalah kemampuan seseorang untuk membaca dan menulis. Namun demikian, kemajuan sosial dan teknologi yang pesat telah memperluas definisi literasi seiring dengan perkembangan manusia. Jika dahulu literasi bermaksud pemahaman teks, tetapi kini literasi didefinisikan melalui pelbagai sudut baharu, misalnya literasi digital, literasi kewangan dan literasi kesihatan. Dalam perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara, literasi dalam bidang-bidang tersebut turut ditingkatkan bagi menjamin kesamarataan pembangunan dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Walau bagaimanapun, buku ini hanya memberikan tumpuan literasi terhadap kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

2

PEMEROLEHAN BAHASA

PENGENALAN

Pemerolehan bahasa bayi dan kanak-kanak berlaku secara berperingkat-peringkat. Bayi yang normal turut mempunyai alat fizikal yang sesuai untuk memperoleh bahasa. Pemerolehan bahasa berlaku secara sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat berdasarkan perkembangan otak. Pendedahan kepada penggunaan bahasa di peringkat awal akan memberi peluang kepada kanak-kanak mempelajari sedikit demi sedikit sesuatu bahasa itu bermula daripada yang mudah kepada yang sukar. Pembelajaran yang tidak formal berlaku dalam persekitaran keluarga dan kemudian dalam masyarakat yang didiaminya. Sehubungan itu, terdapat empat teori pemerolehan bahasa, iaitu teori behaviourisme, kognitif, mentalis dan intraksionalis. Teori-teori ini seperti dalam Rajah 2.1 menghasilkan teori pembelajaran bahasa di bilik darjah. Oleh yang demikian, guru yang mengajar bahasa mesti mempunyai pengetahuan tentang proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa oleh kanak-kanak.

3

PENGUASAAN LITERASI

PENGENALAN

Kanak-kanak belajar membaca dan menulis melalui pemerhatian dan interaksi dengan orang dewasa atau kanak-kanak yang lain. Melalui pemerhatian dan penglibatan kendiri, mereka dapat membentuk konsep tentang literasi dan fungsi literasi dalam kehidupan sebenar. Oleh yang demikian, bagi membantu perkembangan literasi di bilik darjah, guru perlu menyediakan beberapa panduan bagi menggalakkan penguasaan literasi dalam kalangan kanak-kanak. Guru-guru boleh menyediakan persekitaran yang membantu meningkatkan perkembangan literasi kanak-kanak seperti menyediakan bahan-bahan serta alatan yang bermakna di bilik darjah. Selain itu, bahan dan peralatan tersebut mestilah yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk meneroka dan bermain dengannya.

Seterusnya, model literasi juga dapat dikuasai secara tidak langsung melalui aktiviti perbualan dengan kanak-kanak dan rutin harian pembacaan buku serta penulisan bersama kanak-kanak yang dirancang dengan baik. Jika semua pihak, iaitu guru-guru, ibu bapa dan kanak-kanak sendiri memberikan sokongan dan persekitaran yang kondusif terhadap perkembangan literasi, maka proses perkembangan literasi akan berlaku secara berterusan dengan pesat. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diberi perhatian oleh para pendidik di Malaysia agar pengajaran dan pembelajaran literasi kanak-kanak berada pada paras yang optimum. Sehubungan itu, perbincangan dalam bab ini menjurus kepada literasi membaca dan menulis dan huraiannya seperti dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Literasi Membaca dan Menulis

LITERASI MEMBACA

Pada asasnya membaca bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan pantas dan tepat. Terdapat beberapa teknik membaca digunakan misalnya, teknik *selecting*, iaitu pembaca mendapat maklumat yang jelas; teknik *skipping*, iaitu pembaca mendapat bahagian bacaan yang berkaitan dan mencari maklumat daripada bahagian lain; teknik *skimming*, iaitu teknik mengetahui maklumat


4

AKTIVITI LITERASI

PENGENALAN

Kanak-kanak yang memerlukan masa untuk mencapai kematangan perlu disediakan dengan kemahiran-kemahiran prabacaan sebelum mereka memulakan aktiviti membaca secara formal. Teori ini menjadi pegangan fahaman *reading readiness* (kesediaan membaca) yang percaya jika membaca diperkenalkan terlalu awal akan membawa keburukan kepada kanak-kanak. Clay (1972) misalnya telah mengemukakan istilah *emergent literacy* ataupun pemunculan literasi yang menggambarkan proses perkembangan pertuturan, membaca, dan menulis yang berlaku sejak lahir sehingga kanak-kanak memperoleh kemahiran membaca dan menulis yang sebenar. Oleh yang demikian dengan adanya istilah pemunculan literasi, berlaku perubahan persepsi tentang asas teori membaca dan menulis yang sedia ada.

Guru literasi yang baik perlu mempunyai pengetahuan tentang komponen-komponen yang terdapat dalam literasi awal. Perkara ini akan membolehkan guru-guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan usia kanak-kanak agar perkembangan literasi kanak-kanak berlaku dengan baik. Menurut Beaty (2009) dan Spelling (2005), aktiviti literasi merangkumi beberapa kemahiran, iaitu bertutur, mendengar, membaca, dan menulis. Akan tetapi, Snow et al. (1998) pula menyenaraikan empat elemen utama aktiviti kemahiran literasi awal, iaitu pengetahuan nama huruf, kesedaran fonologikal dan fonemik bahasa lisan termasuk perbendaharaan kata, serta kesedaran cetakan. *National Reading Panel* (2000) juga telah mensintesis banyak kajian literasi awal dan melalui dapatan kajian-kajian ini aktiviti literasi telah dibahagikan kepada beberapa komponen, iaitu prinsip abjad; instruksi kesedaran fonemik; instruksi fonetik; instruksi perbendaharaan kata; dan instruksi kefahaman teks. Oleh itu, berdasarkan saranan *National Reading Panel* (2000), maka bab ini mengemukakan huraian tentang aktiviti bagi literasi membaca dan literasi menulis seperti dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Aktiviti Literasi Membaca dan Menulis

5

BAHAN PENGAJARAN LITERASI

PENGENALAN

Secara umumnya, kemahiran yang perlu ada dalam diri murid-murid sekolah ialah kemahiran berbahasa. Kemahiran ini juga dikenali sebagai kemahiran literasi bahasa. Guru perlu mengambil kira setiap komponen bahasa bagi membantu murid mengaplikasi dan menguasai literasi bahasa kerana kesemua kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis terbina secara bersepadu dan saling membantu antara satu sama lain.

Definisi

Berdasarkan Kamus Dewan (2016), literasi ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat mudah dan kompleks dalam bahasa Melayu serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Dengan perkataan lain literasi bermaksud celik huruf. Literasi bahasa pula bermaksud kemampuan murid menggabungkan keseluruhan kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir (Mahzan Arshad, (2016). Selanjutnya kesemua kemahiran tersebut perlu berlaku serentak dan bukan terpisah-pisah manakala kemahiran berfikir mendampingi keempat-empat kemahiran asas bahasa tersebut.

Menurut Atan Long (1982), bahan bantu mengajar (BBM) terdiri daripada pelbagai bahan dan boleh disampaikan dengan pelbagai cara, misalnya dalam bentuk buku, carta atau slaid yang dipancarkan pada skrin. Penggunaan bahan bantu mengajar memberikan sumbangan yang amat besar dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru dan murid. Bahan bantu mengajar ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Omardin Ashairim, 1999). Bahan pengajaran literasi merupakan kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantu dalam penyampaian pengajaran. Bahan pengajaran yang dipilih mestilah boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dirasai, dihidu dan sebagainya (Adenan Ayob et al. (2011).

Bagi mempraktikkan keempat-empat kemahiran tersebut dalam kalangan murid di sekolah, guru boleh menggunakan pelbagai bahan pengajaran. Pemilihan bahan hendaklah sesuai dengan tahap murid, misalnya bagi murid di peringkat sekolah rendah termasuk murid tahun satu dan dua, guru perlu menggunakan bahan yang mudah sahaja agar murid berkenaan dapat menguasai keempat-empat kemahiran terutamanya kemahiran membaca dan menulis.

6

MASALAH PENGUASAAN LITERASI

PENGENALAN

Hashim Othman (2005) menyifatkan literasi umumnya dirujuk sebagai kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi tuntutan kehidupan harian dan merupakan keperluan asasi setiap individu. UNESCO (2020) melalui Agenda Pembangunan Mampan (2023), menekankan keperluan literasi ini penting terutama dalam pendidikan awal kanak-kanak supaya dapat meningkatkan kualiti pendidikan sesebuah negara. Usaha ini perlu diberi perhatian untuk merealisasikan kemajuan negara dalam konteks budaya dan pendidikan. Oleh itu, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai dasar seperti Program Literasi Bahasa Melayu, iaitu *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) yang diperkenalkan bermula tahun 2010 kepada murid tahun 1. Usaha ini bermatlamat untuk memastikan semua murid dapat menguasai literasi Bahasa Melayu dengan baik kecuali murid-murid berkeperluan khas.

7

HALANGAN LITERASI

PENGENALAN

Definisi literasi yang dinyatakan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) bermula awal tahun 1960-an adalah keupayaan seseorang individu yang mampu membaca dan menulis untuk kegunaan dalam kehidupan hariannya. Sementara itu, kemahiran literasi didefinisikan sebagai kemahiran untuk mengenal huruf atau celik huruf, iaitu kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Kemahiran literasi juga dikaitkan dengan kemahiran bertutur, membaca, menulis dan berfikir dalam sesuatu bahasa (Mahzan Arshad, 2016). Mahzan Arshad (2016) turut berpendapat bahawa semua kemahiran ini merupakan satu proses membina makna yang berfungsi dalam kehidupan manusia. Empat daripada kemahiran tersebut, iaitu

kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis merupakan prinsip utama dalam pengajaran bahasa melalui komponen bahasa dan komunikasi (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2001).

Konsep literasi bahasa akan menjadi lebih meluas daripada istilah kenal huruf yang diketahui umum sebelum ini. Oleh itu, tahap kemahiran literasi tertentu diperlukan untuk mengukur sama ada seseorang murid telah mencapai keupayaan membaca dan menulis dalam konteks yang lebih menyeluruh selari dengan kehidupan manusia pada abad ini. Oleh itu, bagi menjadikan tahap literasi bahasa seseorang itu berfungsi dalam kehidupan hariannya, kebolehan membaca dan menulis sepenuhnya serta berterusan perlu diterapkan untuk diri dan masyarakat supaya lebih berkesan (Mahzan Arshad, 2016).

Sehubungan itu, aktiviti literasi, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa merupakan proses untuk membina makna. Makna dibina menerusi interaksi antara seseorang individu dengan teks dan konteks persekitaran. Makna yang dihasilkan daripada proses ini mempunyai perkaitan dengan minat, budaya, pengetahuan, latar, kemahiran, strategi, motivasi, jenis teks dan beberapa lagi faktor yang berkaitan dengannya. Oleh itu, kemahiran literasi memberikan peluang kepada seseorang individu menikmati dan menghargai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain, melalui bahan bacaan serta suasana persekitarannya. Penguasaan literasi bahasa melengkapkan kewujudan individu sebagai anggota masyarakat yang mempunyai nilai tinggi kerana kecelikan literasi dapat digunakan bagi melibatkan diri dalam pengurusan hidup dan penghasilan sumber manusia yang lebih berkualiti. Individu yang menguasai literasi ialah aset yang amat berharga bagi sesuatu masyarakat kerana bukan sahaja dapat menggunakan sepenuhnya bahan bacaan yang mengandungi pelbagai maklumat serta ilmu pengetahuan, malah mungkin dapat pula menghasilkan pelbagai bahan penulisan bagi memperkaya ilmu dan kemahiran.

Salah satu kemahiran yang amat penting dalam pengajaran literasi bahasa ialah kemahiran berkomunikasi. Maksud kemahiran berkomunikasi adalah keupayaan untuk menyampaikan mesej, berkongsi idea, pengalaman dan perasaan antara sesama manusia (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2003). Manusia berkomunikasi bukan

8

ISU DAN CABARAN DALAM PENGUASAAN LITERASI

PENGENALAN

Literasi merupakan aspek penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Namun, terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha meningkatkan penguasaan literasi dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Data terkini menunjukkan bahawa seramai 175,304 orang kanak-kanak pada peringkat akhir pendidikan sekolah rendah di Malaysia, iaitu 13% daripada jumlah keseluruhan adalah tidak mahir membaca manakala lebih daripada 1 juta rakyat Malaysia, yang merangkumi 5.03% daripada populasi juga masih belum mencapai kemahiran literasi yang memberangsangkan (Faida Rahim, 2023).

Dalam konteks ini, laporan Dokumen Keciciran Pendidikan Malaysia 2023 yang dikeluarkan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) juga telah memberikan pandangan yang mendalam, tentang masalah keciciran pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Pada tahun 2020, seramai lebih kurang 60,800 kanak-kanak Orang Asli menghadapi masalah keciciran akademik dan jumlah ini meningkat kepada 62,800 pada tahun berikutnya. Fakta ini memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dalam aspek literasi yang juga mempengaruhi perkembangan pendidikan negara secara keseluruhannya. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada isu-isu ini dan merangka strategi yang berkesan untuk meningkatkan literasi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja Orang Asli serta masyarakat secara umum. Dengan mengatasi cabaran ini, Malaysia dapat melangkah ke hadapan menuju masyarakat yang lebih terdidik dan terampil dalam menghadapi tuntutan dunia moden.

LITERASI MEMBACA

Literasi membaca merujuk keupayaan seseorang untuk memahami, menilai, menggunakan, dan menyebarkan maklumat yang terdapat dalam teks. Keupayaan ini merangkumi kemahiran membaca, pemahaman teks, berfikir secara kritis, serta pengetahuan tentang budaya dan dunia. Kemahiran ini penting dalam perkembangan individu dan masyarakat kerana membantu membentuk pemikiran kritis, meningkatkan pengetahuan, dan membuka pintu kepada pelbagai peluang. Dalam konteks Malaysia, literasi membaca memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan dan kemajuan sosial. Malaysia memiliki pelbagai budaya, bahasa, dan etnik, maka literasi membaca dapat membantu memupuk pemahaman antara kumpulan-kumpulan ini. Literasi membaca juga diperlukan dalam memahami dan mengkritik isu-isu sosial, politik, dan ekonomi dalam negara. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang menghalang perkembangan kemahiran membaca ini seperti dalam Rajah 8.1.

BIODATA PENULIS

Profesor Madya Dr. Faridah Nazir dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau pernah melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda dan Doktor Falsafah serta di Universiti Putra Malaysia untuk Sarjana dalam bidang Bahasa Melayu. Pernah bertugas di beberapa buah sekolah menengah di Seremban, Pulau Pinang dan Selangor sebelum menjadi Pensyarah Kanan di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban. Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa, Pagoh, Johor. Beliau juga telah menghasilkan lebih 40 buah buku yang terdiri daripada buku akademik, antologi cerpen, antologi puisi dan buku cerita kanak-kanak.

Dr. Nora'Azian Nahar merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Kampus Pagoh, Johor dalam bidang Bahasa Melayu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Anderson Ipoh, Perak. Beliau aktif menulis buku-buku ilmiah, buku motivasi, buku rujukan dan buku-buku fiksyen. Keaktifannya menulis juga terserlah melalui penerbitan artikel yang banyak tersiar di dalam jurnal-jurnal bahasa Melayu. Bidang kajian beliau adalah berkaitan dengan kecekapan bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu.

Rozita Omar dilahirkan di Taiping, Perak. Beliau pernah melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pernah bertugas di dua buah sekolah menengah di Ipoh, Perak sebelum menjadi pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak. Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah Cemerlang di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak. Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah artikel dan karya kreatif khususnya puisi dan prosa moden dan karya-karya beliau telah diterbitkan dalam buku antologi cerpen dan antologi puisi. Di samping itu, beliau juga merupakan Jurulatih Kebangsaan bagi Kit Sokongan Bahasa Melayu di bawah Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Buku Literasi Bahasa ini memaparkan perbincangan terperinci tentang asas literasi, teori pemerolehan bahasa, penguasaan, aktiviti, bahan pengajaran, masalah, halangan serta isu dan cabaran dalam penguasaan literasi. Secara lebih terperinci, buku ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang literasi bahasa serta kepentingan menguasainya. Keistimewaan buku ini turut ditonjolkan melalui perbincangan tentang asas literasi dan teori pemerolehan bahasa; perkaitan antara penguasaan literasi dengan aktiviti serta bahan pengajaran; dan analisis masalah, halangan, isu serta cabaran dalam penguasaan literasi. Secara tidak langsung, buku ini juga memberi pendedahan kepada para pensyarah dan guru tentang ilmu literasi bahasa serta kaedah pengajaran dan pembelajarannya yang berkesan.

Kumpulan sasar: Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh siswa guru Institut Pendidikan Guru (IPG); mahasiswa Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS); peserta Kursus Dalam Cuti (KDC); kumpulan pelajar Sekolah Agama Bukan Kerajaan (SABK) opsyen Bahasa Melayu; guru-guru sekolah rendah dan menengah; pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan negeri (JPN); serta semua warga pendidik. Selain itu, buku ini juga amat sesuai untuk pensyarah-pensyarah IPG; IPTA dan PTS yang mengajar kursus major dan elektif Bahasa Melayu sama ada pada peringkat Diploma ataupun Ijazah.

MKO

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (200801002403)



ISBN 978-967-0036-21-2



9 78967 036212
Sem. Malaysia RM 29.00
Sabah/Sarawak RM 33.00